

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Alkisah kononnya pada suatu hari Jumaat, di sebuah masjid besar di Singapura nazir-nazir dan imam-imam masjid itu tercengang melihat seorang pensyarah agama dari Indonesia terus sahaja naik membaca khutbah Jumaat dengan tidak setahu nazir dan imam masjid itu. Imam masjid itu, yang telah bersiap dengan bajunya kerana membaca khutbah telah tercengang sebab tiba-tiba pensyarah itu terus naik di atas mimbar. Imam itu terus marah kepada nazir kerana mengapa nazir tidak memberitahu lebih dahulu siapa pembaca khutbah hari itu seperti biasa dibuat. Nazir juga terperanjat kerana tidak ada orang yang meminta izin kepadanya. Kemudian sesudah khutbah dan sesudah sembahyang Jumaat, pensyarah itu sekali lagi naik ke atas mimbar lalu menyeru mengatakan bahawa pada malamnya ia akan bersyarah di masjid itu mengupas peri hidupnya Nabi (S.A.W.) yang belum pernah dikupas oleh mana-mana pensyarah pun – dan meminta lelaki perempuan beramai-ramai datang mendengar syarahannya. Sesudah turun dari mimbar, nazir dikatakan bertanya, kepada siapa ia meminta izin mengadakan syarahan malam itu dan kepada siapa ia meminta kebenaran membaca khutbah hari itu. Ia meminta maaf sahaja. Orang-orang masing-masing bertanya apakah ini tidak melanggar adab dan adakah orang yang tidak tahu disiplin dan adab boleh dipercayai apa yang dikatakannya? Beginikah sifat seorang pensyarah?

* * *

“Saudara-saudara tidak akan menjadi orang yang

beriman sekiranya saudara-saudara sesudah pidato saya ini keluar daripada masjid ini dan sesudah membeli kitab yang akan diperedarkan kepada saudara-saudara yang memberi pahala yang besar kepada saudara-saudara. Kitab itu hendaklah dibayar sekurang-kurangnya 50 sen – kalau dibayar lebih, lebih baik lagi. Risalah ini adalah membawa pahala yang besar kepada saudara-saudara” Kata seorang pensyarah dari Indonesia tatkala bersyarah di sebuah masjid meminta pendengar-pendengarnya yang hadir membeli risalah yang dijualnya untuknya sendiri. Cara menjual risalah ini telah ramai berjalan, kalau dahulu sebagai dalih kerana derma tetapi sekarang terus terang kerana perut atau faedah pensyarah itu sendiri. Langkah ini telah diikuti pula oleh pensyarah-pensyarah agama dari Singapura yang berkata, kalau pensyarah Indonesia boleh berbuat begitu mengapa pula kita tidak boleh dengan cara ini. Dapatlah kita melihat sekarang pensyarah-pensyarah itu sebagai orang yang mau melakukan ubatnya supaya dibeli di dalam masjid. Ini tidak tepat tetapi yang lebih tepat bolehlah mereka yang membuat syarahan untuk faedahnya atau untuk mengisi sakunya ialah “pengemis-pengemis moden”. Menghidupkan dakwah tetapi cari fulus untuk hidupnya. Siapa mereka itu masing-masing orang cukup mengetahuinya.

* * *

Kalau kita dengar daripada syarahan-syarahan agama yang jadi pengemis moden ini banyak perkara-perkara dibuatnya untuk menarik orang supaya tertarik kepadanya. Ada yang kalau perlu, gunakan serban buat warak. Mereka buat-buat

syarahannya bersungguh-sungguh mengingatkan orang supaya patuh dan taat kepada hukum-hukum Tuhan. Tetapi bagaimana amalan orang-orang itu? Kalau perkara fulus semuanya lulus

- membujur lalu melintang patah. Amalan mereka sebaliknya

Maka orang yang seperti ini tepat seperti firman Allah:

Lam taqūlun illā taf'alūn – mereka hanya berkata tetapi

tidak beramal, mereka menyuruh orang berbuat baik tetapi

telunjuknya berkait.

* * *

Di mana-mana tempat sekarang ribut, mengatakan bahawa agama Kristian telah bekerja menyebarkan agamanya ke kampung-kampung dengan membahagikan risalah-risalah mereka dengan tulisan Jawi.

Pejabat-pejabat agama ribut tetapi ribut bising sahaja –

tidak bertindak tegas. Risalah-risalah yang memperingatkan orang supaya jangan sesat tidak dapat dilihat diterbitkan mereka.

Kalau ditanya wangnya tidak ada. Sebenarnya bukan persoalan

wang tetapi adalah persoalan mau berjihad ataupun

tidak. Orang kita sememangnya selalu bercakap banyak

tetapi tidak beramal, amalannya sangat sedikit. Kalau

umat Islam tidak bersatu, percayalah banyak nanti anak

buah kita yang sesat hidupnya.

* * *

Tuan Muhammad Farid bin Muhammad, Kadi Johor Baharu

dalam ucapannya di Batu Pahat, mengenai loteri kebajikan

masyarakat di antara lain-lain dikatakan ada berkata bahawa

firman Tuhan mengatakan, taatlah kamu kepada Allah dan



Suatu pemandangan dalam majlis perayaan *mawlid al-Nabi*, anjuran *Jam 'iyyat al-Da'wah al-Islāmiyyah*, yang telah diadakan dengan jayanya di Badminton Hall Singapura. Kira-kira lima belas ribu umat Islām Singapura telah berarak pada hari itu dan kemudiannya berhimpun di majlis ini untuk mendengar syarahan-syarahan yang bersemangat dalam berbagai-bagai bahasa. Gambar menunjukkan saudara Syed Abdullah al-Edrus (ahli jawatankuasa *mawlid*) sedang meminta sekalian hadirin bertakbir tiga kali ketika majlis itu dimulakan.

Rasul-Nya dan pemerintah kamu. Masa ini katanya pemerintah dalam agama ialah mufti dan patutlah kita taatkan fatwanya. Sekian katanya. Adakah fatwa seorang mufti itu tidak boleh dibahas dan mesti diterima bulat-bulat sahaja? Orang-orang tentu bertanya. Apa lupakah tuan kadi Muhammad Farid, bahawa Saiyidina ‘Umar tatkala cuba mengubah sesuatu hukum ditegur oleh orang kebanyakan kerana ia menyalahi hukum yang telah diberikan oleh Tuhan? Yang menegurnya orang awam – bukan ulama. Apakah Islam menyuruh taat membabi buta kepada tiap-tiap seseorang, sekali pun mufti, seperti yang dibuat oleh Kristian? Apakah perkataan mufti itu tidak salah dan semuanya mesti diturut dan ditaati? *Mā shā’a Allāh* Ustaz Farid!

* * *

Kadi Batu Pahat, al-Syed Zain bin Muhammad al-Kharid, telah menyatakan di dalam suatu majlis sambutan *mawlid al-Nabī* bahawa ada setengah-setengah pihak tidak mau menggunakan surau-surau atau masjid-masjid yang menggunakan wang loteri. Ini benar Tuan Habib: Ertinya ada masjid yang dibina daripada wang loteri yang dihalalkan oleh Mufti Johor membinanya telah menimbulkan perpecahan atau fitnah. Sebab itu masjid yang seperti itu jatuhnya kepada masjid yang membawa fitnah dan perpecahan (*dirār*) dan kerana itu maka wajiblah umat Islam berusaha supaya meruntuhkan masjid-masjid yang mendatangkan fitnah dan perpecahan itu. Orang ramai hanya bertanya: Apakah Mufti Johor masih berdegil dan tidak mau menyedari akan bencana fatwanya?

* * *

Alwi al-Hadi yang telah mempropagandakan Qādiyānī dan yang telah jadi suara Qādiyānī di dalam timbunan akhbar “Melayu” Berita Harian (yang banyak membuat fatwa-fatwa

syarak) mengatakan, bahawa Qalam telah menyiarkan makalahnya yang pertama. Betul Alwi al-Hadi telah menghantarkan makalahnya kepada Qalam, tetapi Qalam mengetahui akan najisnya makalah itu dan kerana itu makalah itu masuk ke dalam W.V.

B. Sebab ditakuti orang-orang awam dapat diputar belit oleh Qādiyānī yang berputar-putar lidahnya itu.

* * *

Alwi al-Hadi, anak kepada Mujahid Islām yang pertama, al-Syed Syeikh al-Hadi telah bersenang hati apabila orang-orang Qādiyānī merubah sikap melakukan sembahyang seperti kita orang-orang *Ahl al-Sunnah*. Apakah al-Hadi mengigau? Tidakkah al-Hadi mengetahui bahawa kalau mereka orang Islam yang betul tentulah mereka tidak mendirikan masjid lain yang hanya tidak berapa depa daripada tempatnya yang mana mereka dahulu tidak pernah sembahyang di dalamnya. Apakah orang Islam tidak mengerti putar belit Qādiyānī? Dahulu tidak mau memasuki masjid-masjid Islam sekarang nampaknya oleh al-Hadi mereka sembahyang seperti orang Islam dan memasuki masjid Islam *Mā shā’a Allāh!* Apakah al-Hadi sekarang jadi juruhebah Qādiyānī setelah ia menemui jalan buntu kerana tidak dapat membawa orang-orang masuk kepada fahamnya? *Mā shā’a Allāh* al-Hadi! Siapa tuan orang tahu – pohon tidak akan mengeluarkan buah seperti asal pokoknya – ertinya al-Hadi sekarang bukan al-Hadi dahulu. Sekali lagi *Mā shā’a Allāh*.

* * *

Di dalam mempropagandakan Qādiyānī al-Hadi telah cuba membabit-babit perkara Hamka yang telah tamat itu lalu mengangkat-angkat Hamka dengan perkataan mengagung-agungkan. Apakah al-Hadi akan berfikir bahawa Hamka makan angkat lalu

kelak akan menyebelahi Qādiyānī? Inilah sifat melaga-lagakan namanya, al-Hadi. Lebih baik kalau tuan sudah jadi Qādiyānī ataupun *sympathizer* kepada Qādiyānī kerana kawan-kawan tuan, pelajar-pelajar tuan dari Beirut telah jadi berot (terpesong) lebih baik berterang-terang daripada membawa orang ke dalam Qādiyānī yang telah menemui jalan buntu beberapa lama lalu mengubah caranya bergerak untuk menipu umat supaya memasuki Qādiyānī. Umat muslimin berhati-hatilah sekarang dengan al-Hadi dan rakan-rakannya.

Rencana Pengarang

Sambungan dari muka 5

loteri kebajikan untuk masjid. Hal ini hal besar, bukan perkara kecil kerana ia akan mengenai persoalan tempat peribadatan yang sepatutnya mestilah bersih.

Lain-lain pertentangan, keadaannya sama juga seperti di Indonesia iaitu tentang persoalan di antara Kaum Muda dan Kaum Tua – persoalan-persoalan yang akan tidak habis-habisnya selagi kebijaksanaan tidak digunakan. Apakah pihak Tua akan berdiam kalau yang Muda dengan lantang membidaahkan pengertian orang dan memaksa orang berfahaman seperti fahamnya? Cara “kekerasan” seperti ini sepatutnya tidak ada lagi - sepatutnya tidak ada orang-orang yang lantang mengeluarkan kata-kata yang bakal menerbitkan perpecahan. Ini terjadi bukan sahaja di sini tetapi juga di Indonesia hingga hari ini; pertentangan ini bukannya daripada am alim ulama tetapi daripada beberapa orang.

Dengan kerana itu adakah patut, alim ulama di Malaya

dituduh dengan suatu tuduhan seperti itu! Ini bertambah-tambah lebih berat lagi kerana tuan Hamka dijemput ke mari. Sepatutnya ia mesti menjaga taraf alim ulama tempat ia dijemput – bukannya ia memecah atau mengeluarkan kehadapan alam kecacatan rumah orang yang ia tinggal di dalamnya.

Sekiranya tuduhan-tuduhan boleh didatangkan kepada alim ulama di Tanah Melayu maka seharusnya pula alim ulama di Tanah Melayu akan boleh pula menuduh kepada kedudukan alim ulama di Indonesia. Mereka tentu akan berkata mengapa mereka datang menasihati di sini padahal kepada mereka lebih perlu tenaga untuk berjuang di Indonesia, memperbaiki keadaan di Indonesia, terutamanya di kota Jakarta, bahkan bagi seluruh Indonesia yang tidak ada kebebasan lagi beragama. Tidakkah tiap-tiap khutbah Jumaat di Indonesia sekarang *disensor* – tidak boleh berkhotbah Jumaat sebelum khutbahnya diserahkan kepada pengetahuan pihak yang berkuasa? Adakah pernah penjajah Belanda atau Jepun di Indonesia *mensensor* khutbah Jumaat? Inilah soal di dalam yang harus diperbaiki oleh pensyarah-pensyarah itu di tempatnya sendiri, sebab membetulkan tempat sendiri lebih utama daripada membetulkan di tempat lain. Beramallah dengan apa yang dikatakan supaya tidak termasuk di dalam golongan yang disebut Tuhan (ertinya): “Mereka hanya tahu berkata tetapi mereka tidak tahu beramal”.

